

## **STATUS QUO AS BARISAN NASIONAL ‘STRONGHOLD’ IN BY-ELECTION OF N03 TANJONG DATU, SARAWAK**

### **STATUS QUO SEBAGAI ‘KUBU KUAT’ BARISAN NASIONAL DALAM PILIHAN RAYA KECIL N03 TANJONG DATU, SARAWAK**

Junaidi Awang Besar<sup>1</sup>  
Mohd Fuad Mat Jali<sup>1</sup>  
Novel Lyndon<sup>1</sup>  
Mohd Nizar Sudin<sup>1</sup>  
Mazlan Ali<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan (SEEDS), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

<sup>2</sup>UTM Perdana School of Science, Technology and Innovation Policy, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.

**Accepted date:** 30 October 2017

**Published date:** 15 January 2018

#### **To cite this document:**

Awang Besar, J., Mat Jali, M.F., Lyndon, N., Sudin, M. N., & Ali, M. (2017). Status Quo Sebagai ‘Kubu Kuat’ Barisan Nasional Dalam Pilihan Raya Kecil N03 Tanjong Datu, Sarawak. *Journal of Law, Government and Communication*, 2(6): 155-167.

---

**Abstrak:** Pilihan Raya Kecil (PRK) N03 Tanjong Datu diadakan pada 18 Februari 2017 berikutan kematian penyandang yang juga merupakan Ketua Menteri Sarawak iaitu Tan Sri Adenan Satem pada 11 Januari 2017. Kawasan DUN Tanjong Datu yang terletak dalam Parlimen P193 Santubong merupakan antara ‘kubu kuat’ PBB-BN di Negeri Sarawak yang amat sukar ditembusi parti lawan. Ini terbukti bahawa setiap kali pilihan raya negeri di kawasan ini, calon parti lawan sepastinya akan tewas dengan ‘hilang wang deposit’. PRK kawasan ini diadakan tidak sampai setahun Pilihan Raya DUN pada tahun sebelumnya iaitu 7 Mei 2016. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis aspek politik pembangunan dan faktor kredibiliti, karisma dan jasa kepimpinan Tok Nan yang pernah menjadi ADUN di kawasan tersebut sejak 2006. Metod atau data kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah data primer keputusan PRK DUN Tanjong Datu dan data sekunder daripada bahan-bahan akademik dan sumber popular dari pada media massa dan media atas talian. Dapatan kajian menunjukkan pengaruh politik pembangunan dan faktor Tok Nan menjadi pemangkin kepada kemenangan besar BN-PBB dalam PRK tersebut. Pengundi di DUN Tanjong Datu lebih yakin dan percaya kepada BN yang mempunyai pengalaman dan jentera akar umbi yang kuat sejak sekian lama yang dapat merealisasikan keperluan dan kesejahteraan mereka untuk hidup dengan selesa dan aman sejahtera di bumi ‘kenyalang’ ini.

**Kata Kunci:** Pilihan Raya Kecil, Kawasan, Kubu Kuat, Politik Pembangunan, Kredibiliti

**Abstract:** *By-election of N03 Tanjung Datu held on 18 February 2017 following the death of the incumbent, who is also Sarawak Chief Minister Tan Sri Adenan Satem on January 11, 2017. The constituency area of Tanjung Datu located in P193 Santubong parliamentary constituency is between 'stronghold' of PBB-BN in Sarawak are very difficult to penetrate by the opposition. This proved that every time the state election in this area, the opposition candidate uniquely lost his deposit. This by-election held less than a year of Sarawak state constituency election on the previous year's May 7, 2016. As such, it is the purpose of this paper is to analyze the political aspects of development and credibility, charisma and leadership services of Tok Nan ever been an assemblyman since 2006. Methods or data analysis used in this research is primary data of Tanjung Datu by-election results and secondary data from substances academic and popular sources of the mass media and online media. The findings showed the influence of political development and Tok Nan factor catalyze a major victory of BN-PBB in this by-election. Voters in the constituency of Tanjung Datu more confidence and trust in BN who has experience and a strong grassroots machinery for a long time to realize that their welfare needs and to live comfortably and secure peace.*

**Keywords:** *By-election, Area, Stronghold, Politic of Development, Credibility*

---

## **Pendahuluan**

Pilihan Raya Kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) N03 Tanjong Datu, Sarawak diadakan 18 Februari 2017 berikutan kematian penyandanganya yang juga Ketua Menteri Sarawak kelima iaitu Tan Sri Adenan Satem, akibat komplikasi jantung pada 11 Januari 2017, di Pusat Jantung Sarawak di Kota Samarahan. Pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak Ke-11 Mei 2016, Adenan, 72, mendapat 6,360 undi mengalahkan calon PKR, Jazolkipli Numan dengan majoriti 5,892 undi. Jazolkipli hanya meraih 468 undi. Adenan adalah penyandang kerusi Tanjong Datu sejak PRN 2006. Tarikh penamaan calon bagi pilihan raya (PRK) itu ialah pada 4 Februari 2017, manakala pengundian awal pula ialah pada 12 Februari 2017. Pilihan raya kecil ini dilihat dapat menguji pengaruh BN selepas menang besar pada PRU DUN 2016 serta penerimaan rakyat terhadap Ketua Menteri yang baru dilantik iaitu Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg (Abang Jo). Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk mengkaji aspek politik pembangunan dan faktor kredibiliti, karisma dan jasa serta kepemimpinan Tok Nan yang pernah menjadi ADUN sejak beberapa pilihan raya di kawasan tersebut dalam mempengaruhi pengendalian kemenangan BN dalam PRK tersebut.

## **Metod dan Kawasan Kajian**

Metod atau data kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah data primer keputusan PRK DUN Tanjong Datu dan data sekunder daripada bahan-bahan akademik dan sumber popular dari pada media massa dan media atas talian. Data primer dan data sekunder dirujuk dan diteliti dengan lebih lanjut melalui kaedah analisis kandungan seterusnya dianalisis dengan kritikal dan bernilai akademik.

Kawasan DUN Tanjong Datu yang berkeluasan 905 km persegi mempunyai 9,959 pemilih berdaftar melibatkan pengundi biasa (9,771) dan pengundi awal (188) dengan 15 kawasan Daerah Mengundi, saluran undi awal dan undi pos. Kawasan-kawasan Daerah Mengundi dalam DUN Tanjong Datu merangkumi Telok Melano, Pueh, Sebat, Sematan, Seling, Stunggang, Lundu, Perigi, Sekambal, Bajo, Kpg Sebemban, Temelan, Sempadi, Stoh dan Rambungan. Seramai 250 orang petugas pilihan raya dilantik untuk pengendalian proses

pilihan raya ini dan dianggarkan memerlukan belanjawan sebanyak RM997,919. Pilihan raya kecil tersebut menggunakan daftar pemilih induk 2015 yang digabungkan dengan daftar pemilih tambahan sehingga suku kedua tahun 2016 yang telah dikemas kini sehingga 11 Januari 2017. SPR juga melantik Pegawai Daerah Lundu, Hamsein Atar, sebagai Pengurus PRK DUN Tanjong Datu. Pasukan Penguat kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR) juga ditubuhkan bagi memantau semua aktiviti kempen. Dewan Masyarakat Lundu dipilih sebagai pusat penamaan calon dan pusat penjumlahan rasmi undi, manakala pusat pengundian awal diadakan di Dewan Kampung Sungai Lundu dan Dewan ULS Kem Sampadi. Sebanyak 18 buah premis akan digunakan sebagai pusat mengundi iaitu 14 buah sekolah dan empat buah dewan masyarakat, melibatkan 27 saluran tempat mengundi.

## **Sorotan Karya**

### ***Politik Sarawak***

Kajian-kajian awal terhadap politik Sarawak serta faktor calon dan parti dalam menentukan pilihan politik pengundi banyak dijalankan oleh pengkaji dalam dan luar negara. Ahmad Nidzammuddin & Neilson (1994) telah menyentuh mengenai kegagalan tentangan PBDS dan bantuan 'dayakismenya' terhadap BN3 yang menggunakan strategi politik pembangunan dalam pilihan raya DUN 1991. Aeria (1997) telah membincangkan tentang politik pembangunan dan pilihan raya negeri Sarawak 1996. Perbincangan adalah berkaitan strategi BN mendekati pengundi dengan menggunakan strategi politik pembangunan. Manifestasi kempen dilihat cukup berpengaruh dalam pengagihan projek-projek pembangunan dan pemberian sumber-sumber awam serta wang untuk menjamin kemenangan BN.

Mohd Faisal Syam et al. (2002) dalam kajian tingkah laku pengundian semasa berlangsungnya pilihan raya parlimen Sarawak mendapati faktor isu lokal iaitu pembangunan setempat mempengaruhi keputusan pilihan raya di Sarawak di samping faktor-faktor latar belakang masyarakat, kebudayaan, kepercayaan, sejarah politik, parti politik dan persekitaran. Kajian Wan Abdul Rahman dan Mohd Fuad (2003) mendapati bahawa proses pilihan raya DUN Sarawak secara umumnya masih berkisar di sekitar 'politik pembangunan. Selain itu faktor ideologi dan institusi turut mempengaruhi keputusan pilihan raya tersebut. Turut dinyatakan, kekuatan BN terletak pada kelebihan material dan sumber manusia iaitu keupayaannya menempatkan isu-isu politik pembangunan dan isu etnisiti secara berkesan dan sekaligus meraih kejayaan.

Misliyana (2003) dalam kajian tentang tingkah laku pengundi di Betong, Sarawak mendapati bahawa pembangunan mempunyai hubungan yang rapat dengan tingkah laku pengundi. Hubungan ini dipengaruhi oleh kesedaran pengundi terhadap kepentingan pembangunan yang semakin giat dirancang dan dilaksanakan di Betong. Hanapi (2008) dalam kajian tentang politik Melanau di Sarawak mengagaskan bahawa politik pembangunan sangat mempengaruhi perasaan pengundi di Sarawak melalui peranan hubungan kebergantungan/penaungan antara Parti Pesaka Bumiputera (PBB) dengan orang Melanau. Mereka memberi sokongan penuh kepada Ketua Menteri, Pehin Sri Abdul Taib Mahmud sehingga kawasan mereka yang dominannya di Balingian, Mukah menjadi kubu kuat kepada Barisan Nasional di Sarawak. Ansir dan Ajis (2008) dalam kajian tentang pilihan raya ke-12 di Sabah mendapati, pengundi masyarakat Islam menolak calon BN namun faktor politik wang mampu mengubah keputusan kepada sebaliknya.

Junaidi et al. (2009) dalam kajian tentang pandangan pengundi menjelang Pilihan Raya Kecil (PRK) di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Air, Sarawak

mendapati bahawa 88.6 peratus pengundi menyatakan BN akan memenangi pilihan raya tersebut berbanding PKR 3.6 peratus. Setelah pilihan raya kecil diadakan, hasilnya dimenangi BN dengan majoriti yang bertambah lebih sekali ganda iaitu dari 806 undi kepada 1,854 undi dan ini membuktikan sentimen 'politik pembangunan' terus kekal di kawasan tersebut kerana pembangunan hanya dapat dijalankan dengan memilih parti yang memerintah sesebuah negeri. Keputusan PRK ini juga menunjukkan bahawa pengekalan 'status quo' kuasa BN di kawasan kajian kerana berkesannya BN dalam menjalankan kempen berbentuk 'politik pembangunan' serta memaparkan trek rekod atau pengalaman dan juga projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan di kawasan tersebut.

Zaini dan Nidzam (2009) dalam kajian tentang pembangunan politik di Sarawak menyatakan, kuasa hegemoni BN di Sarawak yang memerintah sejak 1963 terus kukuh secara institusional dan sosiologikal. Ini dilakukan melalui strategi hegemoni iaitu *coercive administrative approach* dan *cultural re-orientation*. Strategi ini telah berjaya mengukuhkan kedudukan hegemoni BN dalam konteks pembangunan ekonomi politik di Sarawak. Mohd Fuad (2009) dalam kajian tentang parameter pemilihan calon dan parti dalam Pilihan Raya Sarawak 2006 mendapati walaupun pola perlakuan politik berubah mengikut keadaan persekitaran dan isu semasa, namun parameter seperti kepimpinan dan personaliti calon, manifesto dan pelaksanaan pembangunan menjadi teras dalam membuat keputusan memilih calon dan parti politik. Parameter pengundi mestilah selari seperti yang dipunyai oleh calon dan parti. Sekiranya tidak sama, akan berlaku pergeseran antara aspirasi pengundi, calon dan parti. Ismail dan Mosli (2009) telah meneliti keupayaan pakatan pembangkang yang memenangi beberapa kerusi dalam Pilihan Raya Negeri Sarawak 2006. Hasilnya, mereka menyatakan bahawa kejayaan parti pembangkang memenangi beberapa kerusi DUN Sarawak dalam pilihan raya tersebut boleh dikaitkan dengan manifesto parti yang memenuhi aspirasi pengundi dan personaliti calon. Kejayaan pembangkang ini merupakan satu tamparan besar kepada imej dan kredibiliti BN Sarawak dan Pusat.

Junaidi et al. (2012) dalam kajian terhadap kriteria pemilihan calon dan parti dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak 2011 mendapati bahawa majoriti daripada responden memilih calon yang berjiwa dan mesra rakyat, diikuti personaliti kepimpinan yang baik, jujur dan amanah serta tidak mengamalkan rasuah. Bagi parti politik pula, mereka akan memilih parti yang memperjuangkan ketelusan, keadilan, hak asasi dan anti-rasuah serta yang mampu membawa pembangunan dan membasmi kemiskinan. Keputusan Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak (PRU DUN) Sarawak 2011 menunjukkan pola pengundian kaum Melayu/Melanau terus bertahan dengan sedikit peningkatan kepada Barisan Nasional (BN) namun bagi kaum Cina memperlihatkan sokongan mereka semakin meningkat kepada parti-parti pembangkang iaitu DAP dan PKR manakala bagi kaum Dayak (Iban, Bidayuh dan Orang Ulu) pula menunjukkan berlaku sedikit kemerosotan terhadap sokongan kepada BN. Kepemimpinan negeri Sarawak dan penunaian keperluan pengundi menjadi faktor penting kepada pola pengundian dalam PRU DUN Sarawak 2011.

Mohd Fuad et al. (2012) dalam kajian "Isu semasa dan persepsi belia terhadap politik dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak 2011" mendapati isu pembangunan dijadikan modal kempen utama pihak BN manakala parti pembangkang mengetengahkan isu seperti kenaikan harga bahan api dan harga barang dalam kempen mereka. Parti pembangkang juga memanipulasi isu tanah NCR dan rasuah serta kepemimpinan Ketua Menteri Sarawak dalam siri ceramah politik dan risalah mereka. Rata-

rata pengundi muda bersetuju dengan program pembangunan kerajaan namun banyak yang perlu dilakukan. Untuk mendapatkan sokongan pengundi muda, keperluan sosioekonomi golongan muda perlu dipenuhi oleh pihak yang berkenaan. Seterusnya, pengundi muda menjangkakan BN akan terus menang seterusnya memerintah negeri Sarawak untuk penggal berikutnya.

Rosmadi et al. (2013) dalam kajian PRN Sarawak 2011 menjelaskan bahawa corak pengundian dalam pilihan raya harus dilihat dari sudut baru iaitu ruangan dalam menilai corak pengundian yang semakin menerima pengaruh besar daripada proses globalisasi kerana dipengaruhi oleh perubahan yang berlaku dalam persekitaran sosial pada masa kini. Peranan elemen ruangan ke atas keputusan dan tindakan dalam pengundian di sempadan sesuatu kawasan pilihan raya merupakan faktor penting dalam pengkajian geografi politik. Oleh sebab itu bagi menjelang setiap Pilihan Raya Umum (PRU) adalah disarankan kepada para pengkaji politik supaya turut mengambil kira peranan ruangan ini kerana daripada perbincangan ini turut membantu dalam mendapat hasil yang lebih komprehensif dalam kajian pilihan raya.

Junaidi et al. (2014) dalam kajian politik Orang Ulu di Sarawak dalam PRU DUN Sarawak 2011 mendapati 83.8 peratus menyatakan gagasan “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh pengundi. Dari aspek governans pula, 68.8 peratus responden menyatakan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan Menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan dan dasar/pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam memantapkan pembangunan negara terus mendapat sokongan rakyat. Dari sudut tingkahlaku politik, jika dilihat kepada status pendaftaran sebagai pemilih/pengundi, 78.0 peratus menyatakan mereka sudah mendaftar sebagai pemilih. Seterusnya, 5.0 peratus menyatakan mereka menganggotai parti politik PBB, 13.8 peratus menyertai SPDP, 8.8 peratus merupakan ahli PRS, 3.8 peratus menjadi ahli SNAP dan 5.0 peratus merupakan ahli PKR dan 63.8 peratus menyatakan tidak menyertai mana-mana parti politik. Responden menjangkakan BN akan berjaya mengekalkan pemerintahan di Sarawak.

Junaidi et al. (2015) dalam kajian “Impak sosio-ekonomi dan politik persempadanan semula bahagian pilihan raya Negeri Sarawak 2015” mendapati (a) tiada perubahan bilangan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan bagi Negeri Sarawak; (b) jumlah Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri bagi Sarawak ditambah sebanyak sebelas Bahagian yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 82 Bahagian; (c) pindaan kepada nama Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan yang melibatkan satu Bahagian Negeri Sarawak; dan (d) pindaan kepada nama empat Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri. Persempadanan semula Bahagian-Bahagian pilihan raya Sarawak ini adalah berdasarkan jumlah bilangan pemilih dalam Daftar Pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya yang diwartakan pada 30 April 2014. Kesimpulannya, persempadanan semula bahagian pilihan raya ini akan mengubah landskap sosioekonomi dan sosiopolitik di bumi kenyalang ini. Dengan adanya pertambahan kerusi DUN di Sarawak ini maka peruntukan pembangunan di 11 kawasan yang baru diwujudkan akan lebih terfokus dan merencanakan pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar.

Junaidi et al. (2016a) dalam kajian prestasi Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) dalam PRU DUN Sarawak 2011 mendapati bahawa hampir kesemua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang ditandingi PBB dimenangi dengan majoriti yang besar. Pengundi terus memenangkan calon-calon PBB yang merupakan ‘status quo’ atau penyandang dalam pilihan raya sebelumnya kerana mereka terus yakin dengan sentimen

‘politik pembangunan’ yang diwar-warkan oleh Tan Sri Abdul Taib Mahmud untuk meneruskan kesinambungan politik BN yang telah memerintah Sarawak sejak 48 tahun yang lalu.

Junaidi et al. (2016b) dalam kajian PRU DUN Sarawak 2016 menjelaskan bahawa faktor *feel good* ‘Tok Nan’, pengalaman BN sebagai Kerajaan Sarawak, sentimen ‘politik pembangunan’, jentera BN yang kuat, kewangan yang kukuh serta media yang memihak menjadikan BN terus menjadi pilihan pengundi di negeri Borneo atau seberang laut tersebut. Rakyat Sarawak masih selesa dengan cara pemerintahan BN di Sarawak dan mereka masih sukar menerima parti luar iaitu daripada Semenanjung untuk memerintah Sarawak. Keputusan PRU DUN Sarawak 2016 ini juga jelas menunjukkan pengekalan kuasa atau ‘status quo’ BN dalam pilihan raya tersebut bersandarkan kepada faktor berkesannya sentimen kempen ‘politik pembangunan’, pengalaman dalam memerintah negeri Sarawak, karisma dan kredibiliti kepimpinan BN serta peri pentingnya keselarasan pemerintahan negeri dan negara daripada parti yang sama iaitu BN untuk memudahkan urusan governans pembangunan fizikal antara kedua-dua kerajaan tersebut. Pilihan raya DUN Sarawak ini dilihat memberi impak positif kepada BN yang dilihat progresif dalam melaksanakan kemajuan dan pembangunan di bandar dan luar bandar namun bagi pihak parti pembangkang pula dilihat memberikan impak negatif kerana pengurangan jumlah kerusi berbanding PRU DUN sebelumnya di samping berlakunya pertembungan sesama sendiri di beberapa kawasan dan ini memberikan imej buruk kepada rakyat menuju PRU nasional akan datang. Justeru, semua parti politik perlu terus berkhidmat untuk rakyat dalam tempoh 5 tahun ini bagi meningkatkan taraf hidup serta pemikiran mereka untuk memastikan rakyat dapat hidup dengan aman, sejahtera, bersatu padu dan rasional.

Weiss & Puyok (2017) dalam kajian Pilihan Raya DUN Sarawak 2016 menjelaskan bahawa terdapat 4 faktor kemenangan besar BN dalam pilihan raya tersebut iaitu faktor dan strategi berkesan ‘Tok Nan’ (Adenan Satem) dalam menangani senario politik dan sosioekonomi Sarawak, ketiadaan rancangan sistematik daripada parti-parti pembangkang untuk mengatasi populariti Tok Nan, strategi menerapkan sentimen politik pembangunan kepada pengundi untuk terus mengekalkan BN sebagai pemerintah Sarawak untuk meneruskan kesinambungan pembangunan berterusan di Sarawak, dan kegagalan parti-parti pembangkang untuk bersatu menentang BN.

### **Hasil Kajian dan Perbincangan**

Rakyat Sarawak cukup maklum kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjong Datu adalah kubu kuat Barisan Nasional (BN) khususnya Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB). Tahun lalu (2016) dalam pilihan raya negeri ke-11 bertarikh 7 Mei, BN melalui penyandangannya, Allahyarham Tan Sri Adenan Satem menang lebih besar berbanding 2011. Lawan Allahyarham dari PKR hilang wang deposit dengan sekadar meraih 468 undi. Ini sekaligus membuktikan kira-kira 10,000 pengundi di situ berdiri teguh di belakang BN. Pada PRK 2017 pula, Jamilah Anu (BN) menewaskan calon Parti Reformasi Negeri Sarawak (STAR) Johnny Aput dan calon Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Baru, Rapelson Richard Hamit pada PRK Tanjong Datu hari ini. Jamilah menang dengan majoriti 6,813 undi apabila memperoleh 6,573 undi manakala Rapelson 130 undi dan Johnny Aput 110 undi. Jumlah keluar mengundi ialah 6,898 (69.30 peratus), undi rosak 78 dan undi yang tidak dikembalikan 0 (Lihat Jadual 1: Keputusan PRK DUN Tanjong Datu Mengikut Daerah Mengundi).

**Jadual 1: Keputusan PRK DUN Tanjong Datu 2017 Mengikut Daerah Mengundi**

Daerah Mengundi	BN		STAR		PBDSB		Undi Dikira
	Undi	Peratus	Undi	Peratus	Undi	Peratus	
Telok Melano	114	100	0	0.0	0	0.0	114
Pueh	430	94.1	6	1.3	21	4.6	457
Sebat	313	92.6	10	3.0	15	4.4	338
Sematan	688	96.6	15	2.1	9	1.3	712
Seling	715	99.0	1	0.1	6	0.8	722
Stunggang	804	98.2	8	1.0	7	0.9	819
Lundu	1044	95.5	31	2.8	18	1.6	1093
Perigi	105	97.2	3	2.8	0	0.0	108
Sekambal	360	97.6	6	1.6	3	0.8	369
Bajo	297	99.0	3	1.0	0	0.0	300
Kg. Sebeban	233	90.7	9	3.5	15	5.8	257
Temelan	261	93.9	2	0.7	15	5.4	278
Sempadi	479	95.8	11	2.2	10	2.0	500
Stoh	167	99.4	1	0.6	0	0.0	168
Rambungan	366	97.1	1	0.3	10	2.7	377
Undi awal	157	98.7	1	0.6	1	0.6	159
Undi pos	40	95.2	2	4.8	0	0.0	42
<b>JUMLAH</b>	<b>6,573</b>	<b>96.5</b>	<b>110</b>	<b>1.6</b>	<b>130</b>	<b>1.9</b>	<b>6,813</b>

Pertandingan 2 calon daripada parti pembangkang menyebabkan undi pembangkang berpecah, sekaligus menyebabkan kedua-dua calon parti pembangkang tersebut hilang wang deposit. Calon BN Datuk Amar Jamilah Anu, balu kepada bekas Ketua Menteri Sarawak iaitu Allahyarham Tan Sri Adenan Satem dicabar calon Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Baru Rapelson Richard Hamit dan calon Parti Reformasi Negeri (Star) Johnny Aput. Kedua-dua calon pembangkang itu tidak memberi cabaran kuat kepada BN mungkin disebabkan kekurangan dana untuk berkempen. Selain itu, isu yang mereka bawa juga tidak relevan dalam PRK kali ini dan mereka juga menyedari bahawa adalah mustahil untuk mereka menang.

Pengumuman projek bekalan air paip untuk DUN Tanjong Datu dan Tasik Biru bernilai RM129 juta oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak serta lebih 800 projek bernilai RM1.3 bilion di Tanjong Datu oleh Adenan sebelum ini, turut mendorong pengundi memberi kemenangan kepada BN. Kemenangan memihak kepada BN kerana penyertaan parti lawan hanya menyemarakkan demokrasi dan dari awal sudah tahu bahawa peluang untuk calon pembangkang menang amat tipis.

Di samping itu, sentimen simpati, kenangan indah, balunya mewakili Adenan, dan sentimen ini akan diterjemahkan dalam bentuk undi. Kedua-dua calon pembangkang hilang wang deposit kerana mereka dari luar daerah Lundu, iaitu dari daerah Serian dan sudah tentu mereka tidak mendapat sokongan pengundi di Tanjong Datu. Kerusi Tanjong Datu merupakan kubu kuat BN dan calon BN akan mendapat undi simpati, lawatan oleh menteri-menteri persekutuan sudah tentu mempengaruhi pengundi untuk mengundi calon BN.

Dengan penampilan balu Adenan, Datin Patinggi Datuk Amar Jamilah Anu sebagai calon Pilihan Raya Kecil (PRK) tersebut, ia seolah-olah mengisi 'kasut besar' yang ditinggalkan Allahyarham. Jamilah dilihat sebagai calon yang berupaya meneruskan

kesinambungan agenda pembangunan Adenan. Ini sudah pasti meletakkan pengundi Tanjong Datu untuk terus menyokong BN. Sebagai kerusi luar bandar yang mempunyai 53 peratus pengundi Melayu, maka politik yang dipegang masih berteraskan politik pembangunan.

Dalam keadaan sekarang, pengundi Tanjong Datu harus melihat latar belakang mengapa PRK itu diadakan. Selepas pemergian Adenan ke rahmatullah, situasi persaingan tiga penjujur kelak menyaksikan sentimen simpati yang berbaur buat calon BN. Perasaan ini suatu yang lumrah dan tidak dapat dinafikan. Lagipun dua parti yang bertanding untuk menyaingi Jamilah Anu iaitu Parti Bansa Dayak Sarawak Baru (PBDSB) yang diwakili Rapelson Richard Hamit dan STAR (calonnya, Johnny Anak Aput) sebenarnya pada lain waktu (bukan semasa pilihan raya kecil ini) tidak bergerak aktif. Dua parti ini tiada jentera kukuh dan akar umbi berkesan.

Rapelson pun baru 'melompat' dari PAN. Dalam pilihan raya negeri tahun lalu dia yang bertanding atas tiket PAN (di DUN Gedong, Batang Sadong) dipertikaikan kewibawaannya. PBDS dan STAR masuk gelanggang pun bukan kerana hendak menang dan sedar mereka tidak akan menangpun. Sebaliknya niat hanya semata-mata untuk memperagakan diri serta menonjolkan nama parti demi populariti. STAR pun sebelum ini dalam persaingan pilihan raya negeri lalu memiliki rekod teruk iaitu kalah kesemua 11 kerusi yang ditandingi. Keputusan pengundian DUN Tanjong Datu, menyaksikan dua parti ini kalah dengan hilang wang pertaruhan dan Jamilah menang besar.

Jentera BN tidak leka dan bergerak sederap secara berpasukan. Walaupun Jamilah tidak dapat turun berkempen kerana masih dalam tempoh edah, BN masih mampu mencatat kemenangan besar. Kemenangan Datin Mastura Mohd. Yazid dalam PRK Kuala Kangsar 18 Jun 2016 sedikit sebanyak mempengaruhi teknik beliau berkempen. Apapun, langkah meletakkan balu sebagai calon BN di Tanjong Datu hanya suatu kebetulan dan bukan kaedah BN. Bukan juga satu trend atau dianggap sinis. Ini kerana pemilihan Jamilah sendiri merupakan pencalonan daripada peringkat atasan partinya. Harus diingatkan nama Jamilah dikemukakan oleh jawatan kuasa bahagian partinya. Beliau dianggap paling layak.

Ini juga berkemungkinan cara terbaik memilih calon pilihan raya BN. Tetapi bukannya calon 'payung terjun' dan kebetulan pula Jamilah bersetuju untuk ditampilkan. Tidak dinafikan Jamilah merupakan calon paling sesuai menggerakkan politik pembangunan di situ. Beliau memahami aspirasi rakyat Tanjong Datu kerana telah turun ke akar umbi sejak 2006 lagi mengiringi suaminya. Jamilah diterima baik dengan sifat keibuan yang dibawanya. Beliau memahami kearifan dan kepintaran Adenan.

Keupayaan calon Barisan Nasional, Datuk Amar Jamilah Anu meningkatkan peratusan undi majoriti sebanyak 12 peratus membuktikan keberkesanan jentera kempenya. Pencapaian itu membuktikan bahawa Tanjong Datu terus menjadi kubu kuat BN dengan rata-rata pusat daerah mengundi memberi sokongan di atas 95 peratus kepada BN dengan Telok Melano memberi undi 100 peratus kepada Jamilah. Jamilah mengukuhkan majoriti undi sebanyak 661 undi dengan meraih 6,573 undi berbanding majoriti bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Tan Sri Adenan Satem sebanyak 5,892 undi. Peningkatan majoriti itu ada kaitan dengan faktor sentimen simpati terhadap Jamilah ekoran kematian suaminya pada 11 Januari lalu. Sentimen itu dimanfaatkan dengan baik dalam strategi komunikasi dan pemasaran politik BN apabila banyak imej dan kata-kata berkaitan dengan Adenan dalam bahan kempen termasuk papan iklan. Kehadiran anak Adenan, Azizul juga membantu bagi



mengimbangkan ketidakhadiran calon kerana masih dalam edah. Melihat wajah Azizul, penduduk dan pengundi teringat akan jasa, pengorbanan dan kenangan indah terhadap Adenan yang memang sentiasa meletakkan kepentingan pengundi atas segala-galanya. Puan Sri Jamilah ialah calon terbaik kerana kepimpinannya pada peringkat akar umbi yang disanjung dan sikap prihatinnya dengan kebajikan rakyat. Beliau diyakini sudah mempunyai sudahpun mempunyai pengundi dan penyokongnya sendiri di Tanjong Datu serta diyakini akan meneruskan legasi yang dirancang oleh suaminya iaitu Tok Nan (Abdul Ikhwan 2017).

Dua calon pembangkang Rapelson Richard Hamit dari PBDS Baru hanya mendapat 130 undi manakala calon Star, Johnny Aput memperoleh 108 undi sekali gus hilang wang pertaruhan. Meskipun berjaya meningkatkan kesedaran pengundi tentang isu dan masalah tertentu dihadapi pengundi namun ia tidak cukup kuat untuk mereka mengekalkan wang deposit kerana jentera kempen yang lemah. Kekangan dari segi kewangan menyebabkan mereka tidak mampu mencetak poster dan memasang papan iklan sehingga mereka hanya bergerak secara terbatas dari rumah ke rumah. Mereka, katanya, dianggap calon tidak serius dan hanya muncul menjelang pilhan raya kecil. Dalam pilihan raya negeri 7 Mei, Johnny hanya mendapat 53 undi di Bukit Semuja manakala Rapelson hanya meraih 699 undi di Gedong.

Kemenangan besar calon Barisan Nasional (BN) Datuk Amar Jamilah Anu pada pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjong Datu bermakna rakyat di kawasan ini masih mengingati dan menyayangi bekas Ketua Menteri Sarawak Allahyarham Tan Sri Adenan Satem. Majoriti berkeyakinan bahawa beliau akan mampu meneruskan budaya kepimpinan yang cemerlang seperti Allahyarham Tok Nan. Jamilah merupakan pilihan terbaik dalam meneruskan legasi pembangunan di kawasan itu yang dibawa oleh Adenan.

Kemenangan BN dalam PRK DUN Tanjong Datu kerana tiga faktor utama. Pertamanya, adalah rekod cemerlang Allahyarham Tan Sri Adenan Satem, yang juga Ketua Menteri Sarawak Kelima, di kawasan DUN yang diwakilinya. Pengundi mengingati dan menghargai sumbangannya yang banyak. Mereka mahu balunya Datuk Amar Jamilah Anu untuk meneruskan legasi beliau. Kedua, kualiti peribadi Jamilah sendiri sebagai pengganti. Beliau dilihat sebagai calon yang paling layak untuk menggantikan beliau (Adenan). Beliau selama ini sering menemani Adenan dalam hampir semua lawatannya di kawasan dan mempunyai pengetahuan yang baik mengenai aspirasi dan keluhan rakyat. Ketiga ialah penglibatan kesemua parti BN dan terutamanya Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB). PBB daripada peringkat akar umbi sehingga pemimpin atasannya termasuk wakil rakyat yang dipilih dan setiausaha politik telah bekerja dengan teratur dengan cara sepatutnya. Mereka telah memberi penjelasan kepada rakyat terutamanya dalam isu hak tanah adat selain daripada mendengar keluhan mereka.

Sayap wanita juga telah memainkan peranan mereka dengan baik menerusi kunjungan dari rumah ke rumah. Lawatan pemimpin teratas negara seperti Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan timbalannya Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, selain Ketua Menteri Sarawak, Datuk Amar Abang Johari Tun Openg telah banyak meyakinkan pengundi untuk terus memberi sokongan kepada BN. Mengenai prestasi buruk dua pencabar Jamilah, Rapelson Richard Hamit daripada Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Baru dan Johnny Aput daripada Parti Reformasi Sarawak (STAR), hari untuk parti politik kecil telah berakhir buat Sarawak. Mereka datang dari luar kawasan. Mereka muncul secara tiba-tiba dalam pilihan

raya kecil. Mereka tidak dikenali pengundi, mereka juga menggunakan isu yang tidak relevan. Mereka bukannya ahli politik yang serius. Rapelson mendapat 130 undi manakala Johnny memperoleh 108 undi dan kedua-dua mereka kehilangan deposit masing-masing.

Faktor kemenangan Jamillah ini telah membuktikan kasih sayang rakyat terhadapnya dan termasuk arwah suaminya dan sekaligus membuktikan rakyat telah memberikan lampu hijau kepadanya untuk meneruskan legasi Adenan dan menyambung segala tugas Adenan yang belum selesai. Selain menyambungkan segala rancangan pembangunan yang belum dilaksanakan Adenan, Jamillah juga mempunyai ideanya tersendiri dalam membantu merencanakan sosioekonomi penduduk di Tanjung Datu untuk mengatasi kemiskinan. Di samping itu juga, pengalaman selaku isteri kepada wakil rakyat menjadi faktor kepada kemenangan Jamillah dan beliau juga dilihat lebih memahami masalah yang dihadapi oleh pengundi di Tanjung Datu dan mampu menyelesaikan masalahnya sekali.

Merit ini telah diambil kira oleh Pengerusi Barisan Nasional Pusat iaitu Datuk Seri Najib dan Pengerusi Barisan Nasional Negeri, Datuk Amar Abang Johari. Ternyata merit ini telah membawa kemenangan kepada Jamilah dan kemenangan ini juga telah membuktikan bahawa segala isu yang dibawa oleh pembangkang dilihat tidak relevan di waktu kerajaan juga berusaha menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan seperti isu Pulau Galau dan Pemakai Menua, isu Tanah NCR, dan isu isu tempatan yang terdapat di Tanjung Datu. Kemenangan Puan Sri Jamillah ini telah membuktikan “Semangat Adenan” masih tersemat dalam hati rakyat Sarawak khususnya bagi pengundi di Tanjung Datu dan sememangnya Puan Sri Jamillah mampu menyarung kasut besar yang ditinggal oleh Allahyarham Adenan kerana kasih sayangnya kepada pengundi Tanjung Datu yang tidak pernah berbelah bahagi.

Majoriti besar yang diperoleh Jamilah juga membuktikan Ketua Menteri baharu Datuk Amar Abang Johari Tun Openg diterima dan dihormati rakyat Sarawak. Rakyat memberi kepercayaan terhadap kepimpinan BN berdasarkan pencapaian dan janji-janji sebelum ini. Kepimpinan BN dan PBB khususnya telah memilih calon yang tepat bagi pilihan raya kecil DUN Tanjong Datu. Majoriti yang meningkat yang diperoleh Jamilah adalah mesej yang jelas rakyat menerima kepimpinan Abang Johari. Keputusan yang baik dalam PRK ini adalah sebagai tanda penerimaan ikhlas pengundi di kawasan DUN Tanjong Datu terhadap calon BN. Ia juga sebagai tanda terima kasih masyarakat di Tanjong Datu terhadap jasa Allahyarham Tan Sri Adenan Satem. Seluruh jentera PRK BN yang juga melibatkan secara aktif rakan-rakan komponen parti telah bekerjasama dalam kempen PRK dan bergerak dengan cara yang sistematik serta berkesan. Calon Parti Reformasi Negeri Sarawak (Star) Johnny Aput dan calon Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Baru, Rapelson Richard Hamit gagal meraih undi popular kerana mereka kurang memahami sentimen masyarakat di sini dan mereka juga membawa mesej kempen berburuk sangka serta isu yang membawa perpecahan. Sokongan kepada Datuk Amar Jamilah Anu turut menggambarkan keyakinan rakyat Tanjong Datu terhadap Kerajaan Barisan Nasional, sekaligus membuktikan pilihannya untuk meneruskan tugas hebat Tok Nan mendapat dokongan daripada majoriti penduduk Tanjong Datu.

Apakah faktor-faktor lain yang mempengaruhi kemenangan Jamilah dalam PRK tersebut? Ramuan faktor pengaruh dan jasa Tok Nan/Adenan, BN yang berpegalaman dalam memerintah negeri Sarawak, keselesaan dan keyakinan terhadap gaya pemerintahan BN di Sarawak, kepemimpinan yang peduli kepada keperluan rakyat dan perjuangan memartabatkan

hak rakyat Sarawak telah memastikan BN terus menjadi pilihan majoriti pengundi di DUN Tanjong Datu (Mohd. Nizar 2017).

Corak pengundian pengundi Sarawak masih berteraskan kepada sentimen politik pembangunan dan faktor geografi negeri Sarawak yang memerlukan pembangunan berterusan daripada kerajaan yang konsisten memerintah negeri yang terbesar di Malaysia ini. Apa yang agak melucukan, Rapelson selepas menyerahkan borang pencalonan gagal menjawab kenapa dirinya bertanding atas tiket PBDSB. Sedangkan sebelum ini dia satu-satunya calon bukan Islam yang bertanding atas tiket PAN di N26, Gedong. Rapelson bagaimanapun tewas di tangan Mohd. Narodin Majais dari BN di DUN Gedong, Batang Sadong yang memperoleh 4,064 undi berbanding dirinya 699 undi. Yang pasti, DAP dan PKR enggan meletakkan calon di Tanjong Datu kerana yakin mereka hanya buang masa di sana. Meskipun PKR telah awal-awal lagi menyerah kalah dengan mengumumkan lebih cepat tidak meletakkan calon kerana menghargai sumbangan penyandang di situ kepada rakyat Sarawak, realitinya imej dan reputasi BN cukup bernilai tinggi di mata rakyat Sarawak.

### **Kesimpulan**

Kawasan DUN Tanjong Datu yang terletak dalam Parlimen P193 Santubong merupakan antara 'kubu kuat' PBB-BN di Negeri Sarawak yang amat sukar ditembusi parti lawan. Ini terbukti bahawa setiap kali pilihan raya negeri di kawasan ini, calon parti lawan sepastinya akan tewas dengan 'hilang wang deposit'. PRK kawasan ini diadakan tidak sampai setahun Pilihan Raya DUN pada tahun sebelumnya iaitu 7 Mei 2016. Sebagai kesimpulannya, pengaruh politik pembangunan dan faktor Tok Nan menjadi pemangkin kepada kemenangan besar BN-PBB dalam PRK tersebut. Keputusan PRK ini juga jelas menunjukkan pengkalan kuasa atau 'status quo' BN dalam pilihan raya tersebut bersandarkan kepada faktor berkesannya sentimen kempen 'politik pembangunan', pengalaman dalam memerintah negeri Sarawak, karisma dan kredibiliti kepemimpinan BN serta peri pentingnya keselarasan pemerintahan negeri dan negara daripada parti yang sama iaitu BN untuk memudahkan urusan governans pembangunan fizikal antara kedua-dua kerajaan tersebut. Pengundi di DUN Tanjong Datu lebih yakin dan percaya kepada BN yang mempunyai pengalaman dan jentera akar umbi yang kuat sejak sekian lama yang dapat merealisasikan keperluan dan kesejahteraan mereka untuk hidup dengan selesa dan aman sejahtera di bumi 'kenyalang' ini.

### **Rujukan**

- Abdul Ikhwan Basri. (2017). Politik: Meneruskan Legasi di Tanjong Datu. *Dewan Masyarakat*. Jilid 55, Bil. 3. Mac.
- Aeria A. (1997). The politics of development and the 1996 Sarawak state election. *Jurnal Kajian Malaysia*, 15(1&2), 57-83.
- Abdul Taib Mahmud. (2000). *Pemikiran politik pembangunan mencapai Wawasan 2020 cara Sarawak*. Angkatan Zaman Mansang (AZAM) Sarawak, Kuching.
- Ahmad Nidzammuddin Sulaiman & Neilson Ilan Mersat. (1994). Dayakisme lawan politik pembangunan dalam Pilihan Raya Negeri Sarawak 1991. In: Ahmad Nidzammuddin Sulaiman et al (eds) *Politik Sarawak*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ansir Salim & Ajis Lepit. (2008). Senario Pilihan Raya ke-12 di Sabah: Antara calon atau parti. In: Worrnan Hj. Kabul et al (eds) *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya ke-12*. Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, Sabah.

- Hanapi Dollah. (2008). Politik Melanau: Pembangunan dan kemunduran. In: Ahmad Nidzam Sulaiman (ed) *Prosiding pilihan raya dan pembangunan politik Sarawak*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ismail Ali & Mosli Tarsat. (2009). Pakatan pembangkang dalam Pilihan Raya Negeri Sarawak 2006. In: Nidzam Sulaiman, Zaini Othman (eds) *Pilihan raya dan pembangunan politik Sarawak*. Universiti Malaysia Sabah, Sabah.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. (2009). Pembangunan dan pilihan parti politik: Kajian kes di Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Air, Sarawak. *Persidangan International Conference Of Social Science And Humanity (ICOSH) 2009*. Anjuran Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 2-3 Disember.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Novel Lyndon, Khaidzir Hj. Ismail, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Jeniri Amir, Ahi Sarok, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali. (2012). Kriteria pemilihan calon dan parti dalam pilihan raya umum Dewan Undangan Negeri Sarawak. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 8(4), 44-55.
- Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon & Mohd Azlan Abdullah. (2014). Politik pilihan raya dan partisipasi politik Orang Ulu di Negeri Sarawak. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(5), 135-147.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Faidz Mohd Zain & Novel Lyndon. (2015). Impak sosio-ekonomi dan politik persempadanan semula bahagian pilihan raya Negeri Sarawak. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 11(4), 108-120.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Mohd Faidz Mohd Zain & Novel Lyndon. (2016a). Prestasi Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) dalam pilihan raya umum Dewan Undangan Negeri (PRU DUN) Sarawak 2011. Dlm. Maslida Yusof, Mohamad Rodzi Abd Razak, Mohammed Azlan Mis & Yusmilayati Yunos. Hubungan Malaysia Indonesia: sejarah politik dan keselamatan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon & Mohd Nizar Sudin. (2016b). Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak 2016: Impak Faktor Adenan Satem dan Kegoyahan Pakatan Pembangkang dalam Mempengaruhi Keputusan dan Pola Pengundian. *Social Science Postgraduate International Seminar (SSPIS 2016). Organized By School Of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia (USM)*. In Sains@Universiti Sains Malaysia (USM). 15 December.
- Misliyana Menterang. (2003). Pengaruh pembangunan dan latar belakang sosioekonomi ke arah pembentukan tingkah laku pengundi: Tumpuan Daerah Betong dalam Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Sarawak 27 September 2001. Projek Sarjana. Program Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Faisal Syam Abdol Haziz, Neilson Ilan Mersat & Ahi Sarok. (2002). *Tingkah laku pengundian dalam pilihan raya Parlimen Sarawak*. Unit Penerbitan Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan.
- Mohd. Fuad Mat Jali. (2009). Parameter pemilihan calon dan parti dalam Pilihan Raya Sarawak 2006. In: Nidzam Sulaiman, Zaini Othman (eds) *Pilihan raya dan pembangunan politik Sarawak*. Universiti Malaysia Sabah, Sabah.
- Mohd. Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Novel Lyndon, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Jeniri Amir & Ahi Sarok. (2012). Isu semasa dan persepsi belia terhadap politik dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri

- Sarawak 2011. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 8(8), 138-148.
- Mohd Nizar Sudin. (2017). Rencana: Menang Sebelum Bertanding. *Utusan Malaysia*. 7 Februari.
- Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Suffian Mansur, Zulkanain Abdul Rahman & Mohammad Redzuan Othman. (2013). Memahami Keputusan Pilihan Raya Negeri Sarawak 2011 Dari Perspektif Ruangan. *Sarjana*, 28(2), 51-64.
- Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif & Mohd Fuad Mat Jali. (2003). Pilihan Raya DUN Sarawak 2001: Satu analisis ekonomi politik. *Jurnal JEBAT*, 30, 23-41.
- Weiss, M.L. & Puyok, A. (2017). The 2016 Sarawak State Election: Old Stories and New Punch Lines. In Weiss, M.L. & Puyok, A. *Electoral dynamics in Sarawak: Contesting developmentalism and rights*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Zaini Othman & Nidzam Sulaiman. (2009). Barisan Nasional, hegemoni dan pembangunan politik Sarawak. In: Nidzam Sulaiman, Zaini Othman (eds) *Pilihan raya dan pembangunan politik Sarawak*. Universiti Malaysia Sabah, Sabah.